

# **PENYESUAIAN DALAM KALANGAN SISWA GURU ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

## *Adjustments Visually Impaired Trainee Teachers Need to Make in A Teacher Education Institute*

Arman Abd Sani

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

[arman@ipgkik.edu.my](mailto:arman@ipgkik.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek dimensi penyesuaian, mengenal pasti faktor-faktor penyesuaian (*adjustment*) serta melihat strategi dan keadah penyesuaian siswa guru Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan di Institut Pendidikan Guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan empat responden yang merupakan siswa guru OKU penglihatan di salah sebuah Institut Pendidikan Guru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Alat kajian yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen iaitu keputusan peperiksaan semester. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada siswa guru di IPG. Dapatan kajian menjawab persoalan kajian yang dikemukakan iaitu dimensi penyesuaian seperti akademik dan sosial merupakan aspek dimensi utama yang dilihat manakala faktor keluarga dan penyesuaian persekitaran dan kemudahan merupakan faktor-faktor berlaku penyesuaian dan strategi seperti mendapatkan pandangan ibu bapa dan sokongan sosial guru lama adalah merupakan strategi dan keadah yang dikenal pasti. Beberapa cadangan perlu diambil kira iaitu peranan IPGM dalam membantu siswa guru dalam penyediaan kemudahan serta perlaksanaan program pembelajaran yang sesuai untuk mereka.

*Kata kunci:* penyesuaian, siswa guru pelatih, Orang Kurang Upaya (OKU), penglihatan, Institut Pendidikan Guru (IPG),

### **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to explore adjustments made and the strategies of adjustments visually impaired trainee teachers take at a Teacher Education Institute. This study uses a case study design. Purposive sampling was used to engage four visually impaired respondents who are trainee teachers at one of the institutes of teacher education in the Federal Territory of Kuala Lumpur. The research tools used are semi-structured interviews and document analysis. This study used qualitative methods to ensure respondents had the opportunity to share their experiences and opinions. Data was analysed using qualitative methods. The findings of the study reveal that provincial adaptations such as academic and social aspects or the main demographic aspects were made. The family factors and environmental adjustments and adjustments to amenities were other factors of adaptation that were made. Strategies such as obtaining parental views and social support from a former teacher were some strategies employed. Some areas that need to be taken into consideration especially are the role of IPGM, the provision of facilities and the implementation of appropriate learning methods for these visually impaired trainee teachers.*

*Keywords:* adjustments, teachers trainee, disabilities, persons with disabilities, Teacher Education Institute

## **PENGENALAN**

Menamatkan pengajian pada peringkat sekolah menengah pasti berlaku kepada murid-murid di sekolah menengah yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mahu pun Sijil Persekolahan Tinggi Malaysia (STPM). Hala tuju selepas peperiksaan membuatkan mereka akan memilih sama ada melanjutkan pelajaran ke universiti awam atau universiti swasta, dan ada sebahagian mereka memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai siswa guru. Melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi sewajarnya merupakan satu pengalaman yang amat memberangsangkan dan memberikan kepuasan kepada pelajar. Arnett (2000) menjelaskan bahawa memasuki kolej atau universiti akan memberi perkembangan positif dalam diri seseorang pelajar. Memasuki kolej atau universiti merupakan kunci yang terbaik dalam peningkatan sumber ekonomi pada masa depan (Pascarella & Terenzini, 2005).

Umumnya peringkat transisi pembelajaran seseorang itu bermula pada peringkat remaja di mana setelah tamat alam persekolahan mereka akan melanjutkan pelajaran ke kolej atau universiti. Dalam hal ini dikenali sebagai transisi sekolah, iaitu pelajar akan melalui perubahan tempat dan peluang dari sekolah ke tempat yang lebih mencabar. Transisi pelajar dari sekolah menengah ke peringkat yang lebih tinggi seperti kolej atau universiti adalah merupakan satu pengalaman yang biasa, namun berlaku masalah seperti masalah stres. Masalah stress berlaku apabila perubahan pada diri pelajar tersebut seperti perubahan fizikal, sosial dan psikologi (Santrock & Halonen, 2002). Perubahan juga berlaku terhadap diri mereka, peranan dan tanggungjawab yang terpaksa dipikul serta perubahan struktur kelas yang sebelum ini kecil dan menjadi besar dan lebih ramai pelajarannya, peningkatan jumlah tenaga pengajar dan juga terpaksa memberi tumpuan kepada prestasi akademik.

Penyesuaian merujuk satu proses dinamik yang menuju arah pencapaian dengan kesepadanan yang sesuai antara seorang individu dengan persekitarannya. Bagi pelajar, tempoh peralihan ke universiti mewakili perpisahan daripada cara hidup dan norma yang berhubung dengan pengalaman lepas (Ramsay, Jones & Barker, 2007). Oleh itu, penyesuaian kepada kehidupan di sesebuah kolej atau universiti adalah satu proses yang mencabar bagi kebanyakan pelajar. Kajian oleh Pancer, S. M., Hunsberger, B., Pratt, M., & Alisat, S. (2000) menunjukkan pada tahun pertama berada di kolej, pelajar akan berasa kesunyian, sukar berpisah dengan keluarga, menghadapi masalah konflik dalaman, dan menghadapi kemurungan dan tekanan serta krisis kewangan dan ada di kalangan pelajar terpaksa meninggalkan kolej.

Masalah berkaitan dengan penyesuaian pelajar bukan sahaja terjadi dalam kalangan pelajar biasa tetapi juga berlaku kepada pelajar OKU yang juga berhadapan dengan permasalahan penyesuaian di sekolah. Justeru, berdasarkan kepentingan ini dapat dilihat bahawa kebolehan dan kepintaran bertindak seseorang diperlukan dalam menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan serta untuk memenuhi potensinya. Atas situasi dan keadaan ini telah mendorong pengkaji berusaha untuk membuat kajian berkaitan penyesuaian dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan yang berada di IPG.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kajian yang dijalankan oleh Perry, Hladkyj, Pekrun & Pelletier (2001) turut melaporkan bahawa peralihan daripada pendidikan menengah ke pendidikan tinggi merupakan satu pengalaman yang menyukarkan bagi kebanyakan pelajar tahun satu, dan keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah menyesuaikan diri di kampus (Sennett, Finchilescu, Gibson, & Strauss, 2003). Pelajar baharu ini didapati sering menghadapi berbagai-bagai cabaran personal dan interpersonal ketika baru masuk universiti. Cabaran-cabaran ini meliputi keperluan untuk membina perhubungan yang baharu di kampus terutamanya jika kampus pelajar jauh dari tempat tinggalnya, mengubah suai hubungan dengan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain, dan membentuk tabiat belajar baru selaras dengan persekitaran akademik yang baru (Parker, Summerfeldt, Hogan, & Majeski, 2004). Kegagalan menangani cabaran-cabaran ini

merupakan punca utama pelajar meninggalkan universiti atau menjejaskan pencapaian akademik mereka di universiti (Sennett, et al. 2003; Wintre & Bowers, 2007). Melihat isu ini berlaku dalam kalangan pelajar normal, sudah tentu pelajar OKU penglihatan yang berada dalam situasi sama pasti mengalami cabaran dalam penyesuaian ini dan masih belum ada kajian yang dilaksanakan memfokuskan pelajar masalah penglihatan ini dalam penyesuaian mereka di tempat baharu.

Kajian tentang masalah penyesuaian dalam kalangan pelajar baharu di universiti tempatan menunjukkan pelajar di universiti tempatan juga tidak dapat lari daripada masalah penyesuaian. Ahmad, Noran Fauziah, Azemi, & Mohd. Zailani, (2002) melaporkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar baharu di Universiti Utara Malaysia (UUM) ialah masalah kewangan, diikuti dengan masalah akademik, masalah kesihatan, masalah sosial, dan masalah peribadi. Masalah akademik yang dihadapi oleh pelajar UUM adalah seperti tidak dapat mendaftarkan kursus, masalah memahami buku teks dalam bahasa Inggeris, dan masalah menghadiri kuliah pada jam lapan pagi. Selain itu, mereka juga didapati mempunyai masalah kesihatan dan masalah untuk menjaga kesihatan yang sempurna. Masalah penyesuaian seperti yang disebutkan di atas dikatakan boleh menjejaskan pencapaian akademik pelajar sekiranya tidak dapat ditangani secara berkesan. Banyak kajian yang lepas menunjukkan penyesuaian pelajar baharu merupakan peramal yang signifikan terhadap pencapaian akademik mereka di universiti (Sennett, et al., 2003).

Kajian yang dijalankan oleh Perry, Hladkyj, Pekrun & Pelletier (2001) turut melaporkan bahawa peralihan daripada pendidikan menengah ke pendidikan tinggi merupakan satu pengalaman yang menyukarkan bagi kebanyakan pelajar tahun satu, dan keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah menyesuaikan diri di kampus (Sennett, Finchilescu, Gibson & Strauss, 2003). Pelajar baharu ini didapati sering menghadapi berbagai-bagai cabaran personal dan interpersonal ketika baru masuk universiti. Cabaran-cabaran ini meliputi keperluan untuk membina perhubungan yang baharu di kampus (terutamanya jika kampus pelajar jauh dari tempat tinggalnya), mengubah suai hubungan dengan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain, dan membentuk tabiat belajar baru selaras dengan persekitaran akademik yang baru (Parker, Summerfeldt, Hogan, & Majeski, 2004). Kegagalan menangani cabaran-cabaran ini merupakan punca utama pelajar meninggalkan universiti atau menjejaskan pencapaian akademik mereka di universiti (Sennett, et al., 2003; Wintre & Bowers, 2007). Melihat kepada isu ini berlaku dalam kalangan pelajar normal, sudah tentu pelajar OKU penglihatan yang berada dalam situasi sama pasti mengalami cabaran dalam penyesuaian ini dan masih belum ada kajian yang dilaksanakan memfokuskan pelajar masalah penglihatan ini dalam penyesuaian mereka di tempat baharu.

Di Malaysia, dasar *Zero Reject Policy* dilaksanakan dengan tujuan untuk membolehkan murid-murid OKU ditempatkan bersama dengan murid-murid normal sama ada secara program integrasi, inklusif penuh mahupun inklusif separa. Di peringkat institusi pengajian tinggi dan juga universiti pelaksanaan inklusif ini diperluas dengan menempatkan pelajar OKU belajar bersama menghadiri kuliah dan tutorial bersama di dalam satu kelas. Namun begitu, persoalan yang wujud adakah dasar inklusif ini dapat membantu dalam penyesuaian (*adjustment*) pelajar OKU tersebut dan bagaimana dengan pembentukan tingkah laku yang mungkin boleh mengganggu kehidupan dan sosio emosi mereka dan lebih menakutkan lagi jika pelajar normal turut rasa terganggu dan menganggap program inklusif yang menempatkan rakan-rakan OKU mereka ini telah memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam kelas. (Gargiulo, 2006).

#### OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneroka aspek dimensi penyesuaian siswa guru masalah penglihatan di Institut Pendidikan Guru.
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor penyesuaian siswa guru masalah penglihatan di Institut Pendidikan Guru.
- iii. Melihat strategi dan kaedah penyesuaian siswa guru masalah penglihatan di Institut Pendidikan Guru.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah berdasarkan persoalan berikut:

- i. Apakah aspek dimensi penyesuaian yang boleh diteroka dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan?
- ii. Apakah faktor faktor berkaitan dengan penyesuaian yang boleh dikenal pasti dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan?
- iii. Apakah strategi dan kaedah penyesuaian yang boleh dilihat dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan?

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi memastikan responden mempunyai peluang untuk berkongsi segala pengalaman dan pendapat mereka. Alat kajian yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen iaitu keputusan peperiksaan semester. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan empat responden yang merupakan siswa guru OKU penglihatan di salah sebuah institut pendidikan guru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Temu bual yang dilakukan adalah secara santai supaya mereka lebih selesa dengan soalan-soalan yang ditanya kepada mereka. Pemilihan tempat dan masa yang sesuai untuk sesi temu bual responden ini adalah mengikut kesesuaian masa mereka.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menjawab persoalan-persoalan kajian yang sedia ada.

### **i) Apakah aspek dimensi penyesuaian yang boleh diteroka dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan?**

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa dimensi penyesuaian yang berlaku pada diri responden kajian. Soalan temu bual berkaitan dengan penyesuaian akademik menunjukkan penyesuaian akademik bagi responden satu dan dua menghadapi masalah penyesuaian akademik disebabkan mereka tidak berada di sekolah harian biasa iaitu hanya bersekolah di sekolah pendidikan khas dan hanya bersama dalam kalangan rakan OKU penglihatan sahaja. Dalam keadaan ini responden satu dan dua mempunyai masalah akademik apabila tidak dapat menyesuaikan diri dalam suasana pembelajaran secara lebih inklusif bersama rakan-rakan normal. Berbanding dengan responden tiga dan empat, mereka berada di sekolah biasa dan apabila berada di IPG penyesuaian akademik mereka tidak menjadi masalah. Berdasarkan pencapaian akademik responden satu, responden dua dan responden tiga mendapat keputusan yang baik dengan mencapai 3.00 ke atas pada semester pertama, berbanding responden empat yang mencapai bawah CGPK 3.00 pada semester pertama. Responden empat menjelaskan bahawa dia masih belum dapat menyesuaikan diri dalam aspek pembelajaran khususnya dalam erlaksanaan kerja kursus di peringkat IPG kerana sebelum ini di peringkat sekolah guru-guru banyak membantu dalam penyediaan dan pelaksanaan kerja kursus dan sebagainya.

### **ii) Apakah faktor- faktor berkaitan dengan penyesuaian yang boleh dikenal pasti dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan?**

Untuk dapatan persoalan kedua iaitu apakah faktor- faktor berkaitan dengan penyesuaian yang boleh dikenal pasti dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan? Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti semasa temu bual dilaksanakan terhadap empat orang responden. Antara faktor penyesuaian yang berlaku ialah berkaitan dengan faktor keluarga. Keempat-empat responden sebelum ini apabila membuat keputusan perlu memberitahu ibu bapa mereka terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Apabila berada jauh daripada keluarga kebanyakan mereka memberitahu yang mereka tidak dapat membuat keputusan yang baik dalam sesuatu perkara dan mereka terpaksa menghubungi ibu bapa mereka untuk meminta pandangan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai implikasi psikologi dan perasaan seperti rasa bersalah, bimbang, kesedihan dan tekanan dan ini menyebabkan mereka sukar untuk bersosialisasi antara satu sama lain dan masih bergantung harap kepada keluarga mereka masing-masing ketika berada di kolej. Faktor seterusnya ialah berkaitan dengan masalah dan isu yang wujud dalam penyesuaian tersebut seperti rindu akan kampung halaman, tekanan serta kebimbangan yang teruk. Soalan temu bual iaitu “Adakah anda menghadapi masalah pada awal minggu berada di IPG”, keempat-empat responden menjelaskan mereka terpaksa berdepan dengan suasana yang baru dan cuba menyesuaikan dengan keadaan dan tempat baru memandangkan mereka tidak berdepan dengan suasana pembelajaran baru dan juga rakan-rakan baru. Keempat-empat responden juga menjelaskan bahawa masalah sosial dan emosi sering berlaku apabila mereka berada di tempat atau persekitaran yang baru pada awal berada di IPG. Responden satu menyatakan menghadapi masalah tekanan dan rindu akan kampung halaman kerana tidak pernah berjauhan dengan ibu bapa sebelum ini. Manakala responden kedua dan ketiga berhadapan dengan masalah sosial kerana tidak mengenali rakan-rakan yang boleh membantu mereka berbanding di sekolah.

**iii) Apakah strategi dan kaedah penyesuaian yang boleh dilihat dalam kalangan siswa guru masalah penglihatan di salah sebuah Institut Pendidikan Guru.**

Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui temu bual dengan responden iaitu “Apakah strategi yang anda laksanakan dalam melalui penyesuaian di IPG anda”, keempat-empat responden menjelaskan bahawa mereka lebih selesa menghubungi ibu bapa sekiranya mempunyai masalah berbanding dengan orang lain sebagai sokongan sosial mereka. Ini kerana mereka beranggapan bahawa ibu bapa atau keluarga adalah mereka yang lebih mudah dipercayai untuk meluahkan perasaan dan masalah. Selain itu strategi dan kaedah yang dikenal pasti melalui temu bual ini juga ialah keempat-empat responden akan menggunakan elemen guru sekolah mereka untuk mendapatkan sokongan. Ini berdasarkan soalan temu bual iaitu “Adakah anda masih berhubung dan meminta bantuan guru-guru di sekolah lama anda”. Ini kerana mereka lebih bersedia berkongsi masalah dengan guru di sekolah lama mereka berbanding pensyarah baru di tempat mereka belajar. Selain daripada itu, terdapat responden iaitu responden satu dan dua mereka lebih berminat untuk berkongsi masalah dengan rakan-rakan OKU mereka lain yang telah dikenali ramai. Ini menunjukkan bahawa hubungan sosial mereka dengan rakan normal agak rendah berbanding dengan rakan-rakan baru.

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Kesimpulan yang dapat dijelaskan melalui kajian ini ialah matlamat kajian ini adalah untuk meneroka aspek dimensi penyesuaian (*adjustment*) siswa guru masalah penglihatan di IPG, mengenal pasti faktor-faktor penyesuaian siswa guru masalah penglihatan di IPG serta melihat strategi dan kaedah penyesuaian siswa guru masalah penglihatan di IPG. Dalam kajian ini, masalah berkaitan psikologi dan pendidikan dilihat sebagai salah satu masalah dan cabaran utama dalam penyesuaian bagi mereka yang mengalami ketidakupayaan. Ini dapat dilihat melalui temubual responden empat yang tidak dapat menyesuaikan diri dalam aspek pembelajaran pada semester pertama. Dapatan ini disokong dengan kajian oleh Cooke, R., Beewick, B. M., Barkham, M., Bradley, M., dan Audin, K., (2006) yang menyatakan bahawa pelajar yang banyak menghadapi masalah penyesuaian pembelajaran di kolej didapati cenderung memperoleh

pencapaian akademik yang rendah yang mungkin menyebabkan mereka diberhentikan daripada pengajian yang sedang diikuti di universiti.

Dalam aspek penyesuaian sosial, keempat-empat responden menghadapi masalah penyesuaian sosial. Bagi responden satu dan tiga penyesuaian sosial berlaku disebabkan mereka tidak pernah berpisah sebelum ini bersama dengan keluarga mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka sering tertekan dan mengadu kepada keluarga mereka. Mereka berasa seperti rendah diri dan malu dengan rakan – rakan sekelas mereka. Dapatan ini disokong oleh Norshidah dan Khalim (2010) bahawa kanak-kanak yang mengalami masalah penglihatan juga mempunyai masalah dalam berinteraksi dengan orang luar di sebabkan oleh penyesuaian sosial dan mempunyai rendah diri terhadap diri sendiri. Selain itu dimensi penyesuaian emosi juga dikenal pasti dalam dapatan kajian ini. Kebanyakan responden mengalami masalah emosi apabila pertama kali berjauhan dengan keluarga mereka. Kajian yang dijalankan oleh Perry, Hladkyj, Pekrun & Pelletier (2001) turut menjelaskan bahawa peralihan daripada pendidikan menengah ke pendidikan tinggi merupakan satu pengalaman yang menyukarkan bagi kebanyakan pelajar tahun satu, dan keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah menyesuaikan diri di kampus (Sennett, Finchilescu, Gibson, & Strauss, 2003). Pelajar baharu ini didapati sering menghadapi berbagai-bagai cabaran personal dan interpersonal ketika baru masuk universiti. Cabaran-cabaran ini meliputi keperluan untuk membina perhubungan yang baharu di kampus (terutamanya jika kampus pelajar jauh dari tempat tinggalnya), mengubah suai hubungan dengan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain, dan membentuk tabiat belajar baru selaras dengan persekitaran akademik yang baru (Parker, Summerfeldt, Hogan, & Majeski, 2004).

Dalam aspek sokongan sosial keempat-empat responden menjelaskan bahawa mereka lebih selesa menghubungi ibu bapa sekiranya mempunyai masalah berbanding dengan orang lain sebagai sokongan sosial mereka. Ini kerana mereka beranggapan bahawa ibu bapa atau keluarga adalah mereka yang lebih mudah dipercayai untuk meluahkan perasaan dan masalah. Kajian yang dilakukan oleh Lampert (2009) menunjukkan peranan ibu bapa dan merupakan salah satu strategi dalam penyesuaian. Kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk melihat persepsi pelajar terhadap peranan dan pengaruh ibu bapa terhadap adaptasi penyesuaian dan pencapaian akademik. Responden yang mengambil bahagian dalam kumpulan ini memberi tumpuan untuk menjawab soalan mengenai pengalaman mereka tentang peralihan pelajar mereka ke kolej dan hubungan mereka dengan ibu bapa mereka. Hasil dapatan kuantitatif tidak menunjukkan hubungan langsung antara pengaruh dan peranan ibu bapa. Namun data kualitatif menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa pada tahap positif. Ini menunjukkan bahawa peranan ibu bapa adalah penting dalam penyesuaian pelajar yang berada di peringkat awal universiti.

Antara cadangan dalam membantu penyesuaian diri dalam kalangan siswa guru OKU penglihatan ini ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya pihak IPGM untuk membantu siswa guru OKU masalah penglihatan berkaitan aspek kemudahan serta program pembelajaran mereka khususnya dalam penyediaan kemudahan pembelajaran yang lebih sesuai. Kajian Azar & Reshadatjoo (2015) yang menyatakan 88 peratus pelajar tahun pertama di Iran mempunyai penyesuaian diri pada tahap yang sederhana. Habibah, Nooreen dan Rahil (2010) juga mendapati tahap penyesuaian kebanyakan pelajar adalah sederhana dalam konteks universiti di Malaysia. Justeru, peranan IPGM khususnya pihak IPG dan pensyarah terlibat amat penting dalam membantu mereka dalam melaksanakan sebarang aktiviti ataupun program yang melibatkan penyesuaian dalam kalangan mereka.

Dalam konteks pendidikan, dalam kajian ini diharapkan pihak IPGM dan IPG dapat mengenal pasti kesediaan rakan sebaya dan pelajar mereka dalam menerima ketidakupayaan mereka. Akan timbul perasaan cemburu dan ketidakadilan sekiranya pensyarah hanya memberi bimbingan kepada pelajar lain sahaja. Ini bagi membolehkan pelajar tidak rasa tersisih, berasa yakin daripada kesedaran tinggi dan kemahiran sosial yang sedia ada pada mereka walaupun mereka kurang upaya. Selain itu, sistem pendidikan sedia ada, haruslah menyediakan pelajar satu wadah untuk melatih diri mereka mengawal dan

mengendalikan emosi dengan bijaksana. Justeru, siswa guru masalah penglihatan juga tidak terkecuali. Peranan pensyarah dan harus menyedari kepentingan kaedah dan teknik dalam mengendalikan emosi terutama dalam mengendalikan pelajar OKU penglihatan itu sendiri kelak. Oleh itu, adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang telah dinyatakan dalam usaha meningkatkan tahap penyesuaian kalangan siswa guru masalah penglihatan. Pelajar biasanya berasakan bahawa kaedah pengajaran di institusi pengajian tinggi adalah berbeza dengan apa yang mereka lalui di peringkat menengah. Umumnya, mereka berasakan lebih sukar berbanding di peringkat pengajian sekolah menengah dahulu. Malahan, kesan kepada perbezaan gaya pengajaran turut menjadi tekanan kepada prestasi akademik pelajar di universiti (Kathryn, Nel. et al, 2016). Justeru, adalah diharapkan kajian ini akan membantu sebagai persediaan awal dalam menghadapi pelajar OKU penglihatan ketika berada di dalam kelas.

#### RUJUKAN

- Ahmad Khamis, Noran Fauziah Yaakub, Azemi Shaari, Mohd. Zailani Mohd. Yusoff. (2002). *Adjustment to college life and academic performance among Universiti Utara Malaysia students*. Manuskrip yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Arnett, J. J. (2000). *Emerging adulthood: A theory of development from the late teens through the twenties*. *American Psychologist*, 55(5) 469–480.**  
<https://doi.org/10.1037/0003-066x.55.5.469>
- Azar, N. N., & Reshadatjoo, H. (2014). Adjustment amongst first year students in an Iranian university. *Journal of Education Research and Behavioral Sciences*, 3 (5), 102-105**
- Cohen, S., Mermelstein, R., Kamarck, T., & Hoberman, H. (1985). Measuring the functional components of social support. In I. G. Sarason & B. Sarason (Eds.), *Social Support: Theory, Research and Applications* 73-94.**
- Cooke, R., Beewick, B. M., Barkham, M., Bradley, M., & Audin, K. (2006). Measuring, monitoring and managing the psychological wellbeing of first year university students. *British Journal of Guidance & Counselling*, 34(4), 505-517.
- Gargiulo, R. M. (2006). *Special education in contemporary society: an introduction to exceptionality (2nd ed.)*. Belmont, CA: Thomson Learning, Inc.**
- Jean Kesnold & Kaye F. Sly. (2016). Factors that contribute to the adjustment of international students florida. *Journal of International Students State*, 6 (1), 262-282.**
- Kessler, R. C., Price, R. H., & Wortman, C. B. (1985). Social Factors in psychopathology: Stress, social support, and coping processes. *Annual Review of Psychology*, 36, 531–572.**
- Khalif Muammar. (2009). Faktor kegemilangan tamadun Islam: Pengajaran dari masa lalu. *Jurnal Hadhari*, 2, 15-31.**
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Norasuzaini Sujak Abstrak Kajian, (2009) Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1 (2), 18-29.**

- Nina Yssel, Natalya Pak & Jayne Beilke.(2016). A door must be opened: Perceptions of students with disabilities in higher education. *International Journal of Disability, Development and Education*, 63, 1-11.
- Norlia Melawi. (2000). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tahun satu, pendidikan.Universiti Teknologi Malaysia memilih kerjaya perguruan, satu tinjauan awal*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Parker, J. D. A., Summerfeldt, L. J., Hogan, M. J., & Majeski, S. A. (2004). Emotional intelligence and academic success: Examining transition from high school to university. *Personality and Individual Differences*, 36 (1), 163–172.
- Pascarella, E., & Terenzini, P. (2005). *How college affects students: A Third Decade of Research*.
- Perry, R. P., Hladkyj, S., Pekrun, R. H., & Pelletier, S. T. (2001). Academic control and action control in the achievement of college students: A longitudinal field study. *Journal of Educational Psychology*, 93, 776- 789.
- Ramsay, S., Jones, E. & Barker, M. (2007). Relationship between adjustment and support types: young and mature-aged local and international first year university students. *High Education*. 54, 247–265.
- Rizwan Ishtiaq, Muhammad Hamid Chaudhary, Muhammad Atif Rana, Abdur Rehman Jamil (2016). Psychosocial implications of blindness and low vision in students of a school for children with blindness. *PUB Med Sci*. 32(2), 431–43.
- Ros Eliana. (2014). *Model dan modul pengajaran integrasi holistik guru pelatih pendidikan teknik dan vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Santrock, J.W., & Halonen, J. (2002). *Your guide to college success (2nd ed.)*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Sennett, J., Finchilescu, G., Gibson, K., & Strauss, R. (2003). Adjustment Of Black Students at A Historically White South African University. *Educational Psychology*, 23 (1), 107-116.
- Wang, C.-C.D., & Mallinckrodt, B. (2006). Acculturation, attachment, and psychosocial adjustment of chinese/taiwanese international students. *Journal of Counseling Psychology*, 53 (4), 422–433.
- Wintre, M. G., & Bowers, C. D. (2007). Predictors of persistence to graduation: Extending a model and data on the transition to university model. *Canadian Journal of Behavioural Science*, 39(3), 220–234.